



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI JABATAN PERDANA MENTERI**

#### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PENYUNTING KANAN (C.3-4 EB.5)  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

#### **2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalender Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENYUNTING KANAN**

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = SATU (1)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau kelulusan yang sebanding dalam bidang *Media and Journalism / Kewartawanan / Ehwal Semasa / Komunikasi Massa / Public Affairs / Media / Pengajian Media / Pengajian Brunei / Teknologi Maklumat* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Jurukamera ENG / Perakam Suara ENG / Penyunting ENG / Penolong Juruteknik Pemeliharaan / *Vision Mixer* / Penyunting / Penolong Perancangan atau jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.2 atau sebanding selama tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Penolong Operesen / Penerbit Tingkat II / Penolong Penerbit / Pengurus Pentas atau jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**SYARAT-SYARAT LAIN:**

1. Mempunyai pengalaman bertugas secara tetap atau sambilan dalam media penyiaran adalah kelebihan;
2. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (praktikal) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei;



3. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Mandarin dan lain-lain bahasa selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah merupakan satu kelebihan;
5. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian Microsoft Office adalah kelebihan;
6. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal ehwal penyuntingan / hal ehwal kewartawanan / hal ehwal semasa / hal ehwal media penyiaran;
7. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penyuntingan / kewartawanan / hal ehwal semasa / hal ehwal media penyiaran adalah merupakan satu kelebihan;
8. Mempunyai pengetahuan mengenai terasul dan penggunaan bahasa dalam adalah merupakan satu kelebihan;
9. Mempunyai kebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa adalah merupakan satu kelebihan;
10. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam mengolah penyuntingan audio dan video adalah merupakan satu kelebihan;
11. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam menggunakan *Non-Linear Editing* seperti *Adobe Premier*, *Final-Cut Pro*, *Video Softwork Final-Cut Pro*, *Edius* dan sebagainya adalah merupakan satu kelebihan;
12. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah merupakan satu kelebihan;
13. Hendaklah mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang baik disamping boleh menjadi pembimbing atau mentor kepada pegawai / kakitangan dibawah jagaan;



14. Berkeupayaan membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam hal ehwal penyuntingan termasuk dalam suasana tegang;
15. Peka terhadap perkembangan dan hal ehwal dalam negeri, serantau dan antarabangsa; dan
16. Memahami misi dan dasar Jabatan dalam pembangunan negara.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab sebagai Penyunting Bertugas (*Duty Editor*) dalam kerja-kerja penerbitan berita radio dan berita televisyen termasuk rancangan-rancangan khas terbitan Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa;
2. Memastikan bahan-bahan berita radio dan berita televisyen adalah tidak bertentangan dengan dasar-dasar dan peraturan-peraturan penerbitan berita radio dan berita televisyen yang mana termasuklah dari segi pengolahan, kandungan dan penggunaan kedua-dua Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa;
3. Penyunting Kanan juga dikehendaki menerbitkan rancangan-rancangan hal ehwal semasa terbitan Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa termasuk membuat arahan penerbitan bagi berita televisyen di studio;
4. Penyunting Kanan juga ada kalanya dikehendaki keluar membuat liputan bagi acara-acara penting dalam dan luar negeri;
5. Membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada para penyunting yang baru berkhidmat; dan
6. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.